

No. Ruj: SCE/GEN-LI/112023

Tarikh: 16hb. November, 2023

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PENAWARAN TEMPAT LATIHAN BAGI PELAJAR PRAKTIKAL ATAU LATIHAN INDUSTRI

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

1. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat kami **SEAWAVES CONSTRUCTION & ENGINEERING** merupakan syarikat yang menyediakan Perkhidmatan Pemasangan, Servis dan Baik Pulih Penghawa Dingin, Kejuruteraan Elektrikal dan Pembekal Perkakasan dan Peralatan.
2. Kami ingin membuat permohonan untuk mendapatkan pelajar-pelajar yang berminat dari institusi pendidikan Tuan/Puan bagi tujuan latihan industri/praktikal di syarikat kami dan antara bidang/jurusan yang diperlukan atau berkaitan adalah seperti berikut:
 - i) Kejuruteraan Elektrikal
 - ii) Pemasaran/Multimedia
 - iii) Kejuruteraan Mekanikal
 - iv) Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara
3. Buat pengetahuan pihak Tuan/Puan, syarikat kami menyediakan peluang praktikal kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk pendedahan dalam perkara-perkara berkaitan:

Bahagian Pemasaran:

- ✓ Reka bentuk brosur-brosur, pengiklanan dan bahan-bahan untuk program latihan
- ✓ Pendedahan tentang urusan pentadbiran syarikat
- ✓ Bidang pemasaran

Bahagian Kejureteraan & Mekanikal:

- ✓ Pendedahan tentang perkhidmatan penghawa dingin, kamera litar tertutup (CCTV), smarthome, pendawaian dan elektrikal serta bertemu dengan pelanggan
- ✓ Pendedahan tentang perkhidmatan-perkhidmatan lain yang ditawarkan syarikat

4. Tempat latihan adalah di pejabat kami beralamat di **No. 11A, Jalan Sri Sarawak 20B, Taman Sri Andalas, 41200 Klang, Selangor.**

5. Kami amat berbesar hati jika sekiranya pihak syarikat kami boleh turut serta dalam menyediakan tempat latihan praktikal untuk sama-sama memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar-pelajar akan situasi sebenar apabila melangkah ke sektor pekerjaan dan juga membantu dalam meningkatkan nilai tambah bagi pelajar-pelajar tersebut.
6. Pihak Tuan/Puan boleh menghubungi kami di **03-33234814** (syarikat) atau **019-6185502** (mobile) untuk mendapatkan butiran lengkap atau sebarang pertanyaan atau emailkan kepada seawaves.const.engineering@gmail.com.
7. Kepada pelajar-pelajar yang berminat, boleh emailkan surat permohonan, resume /keputusan transkrip yang terakhir kepada seawaves.const.engineering@gmail.com untuk rujukan dan tindakan pihak kami.
8. Untuk makluman pihak syarikat juga akan memperuntukkan *Elaun Praktikal* kepada para pelajar praktikal yang menjalankan latihan praktikal di syarikat kami.

Kerjasama dan pertimbangan pihak Tuan/Puan berkenaan perkara di atas amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

SEAWAVES CONSTRUCTION & ENGINEERING



AMIR ASHRI BIN MOHAMED KAMAL
PENGURUS OPERASI